

Gaji amah RM500 sudah cukup

Kosmo 9/08/2010 M/S 2

Oleh MOHD. MARTIN KAHAR
martin.kahar@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing (Papa) menganggap bayaran gaji sebanyak RM500 hingga RM600 sebulan kepada pembantu rumah adalah memadai.

Timbalan Presiden Papa, Jeffrey Foo berkata, jumlah gaji itu mengambil kira segala kos yang ditanggung oleh majikan termasuk menyediakan kemudahan lain.

“Majikan dah tanggung banyak kemudahan termasuk tempat tinggal, makan minum, tiket kapal terbang, permit dan sebagainya,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas laporan *Kosmo!* semalam mengenai keputusan kerajaan Malaysia menolak permintaan Indonesia untuk menetapkan gaji minimum sebanyak RM800 bagi amah dari republik tersebut.

Keengganan kerajaan Malay-

Majikan dah tanggung banyak kemudahan termasuk tempat tinggal, makan minum, tiket kapal terbang, permit dan sebagainya

JEFFREY

sia menetapkan gaji minimum itu menyebabkan Memorandum Persefahaman (MoU) antara negara ini dan Indonesia mengenai isu pembantu rumah masih belum dapat dimuktamadkan.

Menurut Jeffrey, jika kerajaan Indonesia mahu menetapkan gaji RM800, mereka perlu memastikan setiap pembantu rumah yang dihantar ke negara ini mempunyai keupayaan atau sijil untuk membuktikan kemahiran mereka bekerja.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusuf Abdul Rahman juga bersejua dengan cadangan gaji RM500 hingga RM600 sebulan.

Katanya, bayaran gaji sebanyak RM800 yang diminta oleh kerajaan Indonesia itu adalah terlalu tinggi.

“Gaji sekitar RM500 hingga RM600 sudah memadai sebab untuk mendapatkan pembantu rumah bukanlah murah kerana majikan terpaksa mengeluarkan banyak wang,” katanya.

Beliau menambah, jika amah diberi gaji minimum RM800 sebulan, ia seperti menganaktirikan pekerja tempatan yang sehingga kini tidak mendapat gaji minimum.



BANYAK pihak berpendapat gaji yang sesuai untuk amah Indonesia ialah sekitar RM500 sebulan kerana jika lebih tinggi daripada itu majikan mereka akan menanggung beban. - Gambar hiasan